

Headline	TH usaha kekal bayaran laksana haji tahun depan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	20	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	362 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,478
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,435



# TH usaha kekal bayaran laksana haji tahun depan

**Batu Pahat:** Lembaga Tabung Haji (TH) menjangka kadar bayaran untuk menunaikan haji pada tahun hadapan kekal walaupun berlaku peningkatan kos antara 10 hingga 20 peratus, terutama bagi urusan penginapan dan penerbangan.

Ketua Pegawai Operasinya, Datuk Adi Azuan Abdul Ghani, berkata tahun ini, jemaah membayar RM9,980 dengan TH menanggung subsidi RM8,910.

## Subsidi meningkat

"Kos keseluruhan haji musim lalu adalah RM18,890 seorang, dijangka meningkat sehingga RM20,000 tahun depan yang turut menyebabkan subsidi ditanggung TH meningkat.

"Walaupun kos keseluruhannya adalah sekitar RM18,890, jemaah haji hanya perlu bayar RM9,980 kerana bakinya diberi subsidi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menziarahi keluarga Allahyarham

Harun Juhari, 75, dan menyerahkan wang khairat kematian RM1,500 kepada balu Allahyarham, Sutini Sulaiman, 64, di Taman Suria, Ayer Hitam, di sini semalam. Jemaah haji itu meninggal di Makkah akibat jangkitan kuman pada paru-paru 7 September lalu.

Adi Azuan berkata, TH akan terus menanggung sepenuhnya subsidi haji yang sudah diberikan sejak 2009 dengan kos subsidi keseluruhan bagi musim haji baru-baru ini adalah RM160 juta untuk mengurangkan tanggungan jemaah.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, masih ada 18,910 jemaah haji Malaysia menunggu penerbangan untuk pulang.

"Setakat ini (semalam), sudah sembilan penerbangan dari Makkah membawa pulang 3,766 jemaah kita, manakala 39 lagi penerbangan akan berlepas sehingga hari terakhir 15 Oktober ini," katanya.

Fakta nombor	<b>RM18,890</b>	<b>RM9,980</b>	<b>RM8,910</b>
	KOS	BAYARAN	SUBSIDI
	tunai haji musim lalu	perlu dibayar jemaah	ditanggung TH bagi setiap jemaah

Headline	TH usaha kekal bayaran laksana haji tahun depan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	20	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	362 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,478
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,435



[FOTO SYARAFIQ ABD SAMAD/BH]

**Adi Azuan (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan khairat kematian kepada Sutini di kediamannya di Taman Suria, Ayer Hitam, Batu Pahat, semalam. Yang turut hadir, Penasihat Majlis Agama Islam Johor, Datuk Noh Gadot (kanan) dan Pengarah Tabung Haji Johor, Datuk Mokhzani Mukhtar.**